A

Pendakwa Raya lwn Foo Lean Seng

B MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45B-02–01 TAHUN 2016
CHAN JIT LI PK
1 JUN 2017

C *Undang-Undang Jenayah — Pembunuhan — Pembelaan persendirian — Sama ada tertuduh boleh menggunakan pembelaan persendirian — Sama ada tertuduh mempunyai niat untuk membunuh — Sama ada tertuduh bertindak melebihi had dalam pembelaan persendirian — Kanun Keseksaan ss 96 & 97*

D

Tertuduh, Foo Lean Seng telah dipertuduhkan atas dakwaan membunuh Ang Kean Eng ('si mati') di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Mengikut keterangan pihak pendakwaan, pada 3 Mac 2015 tertuduh telah menelefon
E En Mohd Izzat Fahmi bin Azizi ('SP9'), seorang saksi yang telah mengikut tertuduh ke tempat kejadian untuk mengajaknya untuk pergi bersama tertuduh berjumpa dengan seorang kawan tertuduh. Mereka berdua telah menaiki motosikal tertuduh ke suatu tempat yang dikenali sebagai Pusat Hiburan Keluarga ('pusat hiburan') yang terletak di Taman Anggerik, di Alor
F Setar. Dalam pusat hiburan itu, SP9 bermain mesin mainan tembak ikan berdekatan dengan mesin mainan tertuduh. Beberapa minit kemudian, tertuduh telah bertengkar dengan kawannya. SP9 tidak tahu sebab pertengkaran itu, tetapi dia menyimpul ianya adalah satu pertengkaran daripada suara tinggi yang dia dengar. Tertuduh dan si mati kemudian telah
G keluar dari pusat hiburan itu kerana dihalau oleh taukeh pusat hiburan tersebut. Dari tempat yang dia berdiri, iaitu, di hadapan pusat hiburan, SP9 melihat mereka berdua menuju ke kereta si mati yang diletakkan di situ. Satu pergaduhan telah tercetus di antara si mati dengan tertuduh. Mereka bergelut selama beberapa minit sebelum si mati rebah. Mahkamah mendapati pihak
H pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie ke atas tertuduh di bawah s 302 Kanun dan memerintahkan tertuduh supaya membuat pembelaan. Tertuduh kemudian memilih untuk membuat pembelaan atas keterangan bersumpah tanpa memanggil saksi. Pembelaan tertuduh berlandaskan 'private defence', iaitu, perbuatannya yang menyebabkan
I kematian si mati adalah untuk membela dirinya dari dibunuh atau dicedera parahkan oleh si mati di bawah s 96 Kanun dibaca bersama dengan cabang pertama s 97.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh:

(1) Mengikut tertuduh, semasa kejadian, dia tidak membawa apa-apa senjata ke tempat kejadian dan senjata yang digunakan di tempat kejadian diambil dari kereta si mati. Pihak pendakwaan tidak mengemukakan apa-apa keterangan untuk mencabar kenyataan tertuduh. Tertuduh telah menjemput SP9 untuk menemaninya dalam perjumpaannya dengan si mati. Sekiranya tertuduh berniat untuk membunuh si mati, sudah tentu dia akan merahsiakan niatnya dan tidak akan mengajak SP9 untuk menemaninya. Mahkamah berpendapat faktor ini bersama ketiadaan senjata menyangkal wujudnya unsur niat. Faktor-faktor ini lebih meyokong kenyataan tertuduh bahawa niat dia berjumpa dengan si mati hanya untuk mendapatkan balik wangnya (lihat perenggan 36).

(2) Adalah jelas parang yang digunakan boleh mendatangkan kematian atau kecederaan parah. Senjata ini serta cara si mati menggunanya menunjukkan bahawa ia adalah munasabah untuk tertuduh percaya bahawa terdapatnya ancaman yang dia akan dibunuh atau dicederakan secara parah oleh si mati sekiranya dia tidak mengambil tindakan untuk membela diri. Oleh itu, situasi pada masa kejadian bukan sahaja menjustifikasikan tetapi menghendakkan tertuduh membela dirinya (lihat perenggan 38–39).

(3) Tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa kecederaan-kecederaan yang tertuduh kenakan ke atas si mati adalah kecederaan-kecederaan yang berlebihan, melebihi apa yang dibenarkan oleh undang-undang (lihat perenggan 40).

[English summary

The accused, Foo Lean Seng was charged for murder of Ang Kean Seng ('the deceased'). According to the statement of the prosecution, on 3 Mac 2015, the accused had called one of En Mohd Izzat Fahmi bin Azizi ('PW9'), a witness who followed the accused to the crime scene, inviting him to meet one of the accused's friend. Both of them rode a motorcycle to Pusat Hiburan Keluarga at Taman Anggerik, Alor Setar. In the Pusat Hiburan Keluarga, PW9 played with the toy machines nearby the accused. A few minutes later, the accused had a quarrel with his friend. PW9 knew nothing on why they had such quarrel but he could assume that it was a serious one as he heard a loud noise. The accused and the deceased then went out of the Pusat Hiburan Keluarga after being told to do so by the owner. PW9 then saw both of them went to a car owned by the deceased. Then there was a fight between the deceased and the accused. A few minutes later, the deceased fell down. The court had decided that the prosecution had proved a prima facie case against the accused under s 302 Penal Code ('the Code') and court then asked the accused to enter his defence. The accused then entered his defence by tendering his sworn statements without calling any defence witnesses. The defence of the accused was based on private defence which caused the death of the deceased. The accused had defended

himself from being murdered or being grievously injured under s 96 of the Code read together with the first limb of s 97 of the same Code.

Held, acquitting and discharging the accused:

(1) According to the accused, during the day of the fighting, he did not bring any weapon to the crime scene and the weapon used was brought from the car owned by the deceased. The prosecution did not tender any statement to challenge the accused's statements. The accused had invited PW9 to meet the deceased. If the accused had a real intention to kill the deceased, the accused will keep his intention in secret and would not invite PW9 to accompany him. This honourable court decided this factor along with the absence of the weapon used by the accused denied the intention on part of the accused to commit murder of the deceased. These factors were more probably suggested that the real intention of the accused to meet the deceased was only to get back his money (see para 36).

(2) It was clear that the parang used by the accused could cause death or grievous hurt to the deceased. The usage of this weapon was reasonable for the accused to believe that there was a threat of imminent death or grievous hurt to be inflicted to the accused if the accused did not defend himself. So, it was justified for the accused to defend him (see paras 38–39).

(3) There was no statement showing the injuries suffered by the deceased was due to the excessive force inflicted to the deceased and exceeding the limit of private defence allowed by the law (see para 40).]

Nota-nota

Untuk kes-kes pembunuhan secara am, lihat 4(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1717–1842.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (diikut)
Chacko Matahai v State of Kerala AIR 1964 Ker 222, MT (dirujuk)
Chung Tain Kong @ Chung Fook Chong v PP [2010] 2 MLJ 732; [2010] 2 CLJ 397, MP (dirujuk)
Francis Hiu v PP & Anor Appeal [2014] 9 CLJ 764, MR (dirujuk)
Looi Kow Chai v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (diikut)
Musa bin Yusof v PP [1953] 1 MLJ 70; [1953] 1 LNS 58, MR (dirujuk)
PP v Sidek bin Abdullah [2006] 3 MLJ 357; [2006] 1 CLJ 314, MT (diikut)
PP v Ngoi Ming Sean [1982] 1 MLJ 24; [1981] CLJ 93 (dirujuk)
Patrick Chau Fook Henn v PP [2014] 3 MLJ 825; [2014] 8 CLJ 14, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 96, 97, 99, 100, 300, 300(a), (b), 302

Naizatul Zima bt Tajudin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Shanmugaiah a/l Chelliah (C Shanmugaiah & Co) bagi pihak tertuduh.

Chan Jit Li PK:

[1] Di dalam kes ini tertuduh, Foo Lean Seng, didakwa dengan pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 4/3/2015 jam lebih kurang pukul 1.15 pagi bertempat di hadapan premis Pusat Hiburan Keluarga di Taman Anggerik, Alor Star, dalam daerah Kota Setar, di dalam Negeri Kedah Darul Aman, dengan niat telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian Ang Kean Eng KP 831021-02-5393. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[2] Seramai 11 orang saksi telah dipanggil oleh pihak pendakwaan dan mereka terdiri dari:

(a) Lans Kpl Amrit Singh a/l Manjeet Singh ('SP1'): seorang pegawai polis yang telah menerima panggilan talipon tentang suatu pembunuhan dan seterusnya membuat satu laporan polis, iaitu, Laporan Polis Alor Star No 4960/2015 (eksh P1);

(b) Kpl Rahimi bin Ramli ('SP2'): seorang jurugambar yang telah mengambil gambar forensic (eksh P2(1)–(119) dan gambar kecederaan tertuduh (eksh P3(a)–(i));

(c) Kpl Mohd Azman bin Muhamad ('SP3'): seorang jurugambar yang telah mengambil gambar di tempat kejadian (eksh P6(1–28));

(d) Dr Mohd Suhani bin Mohd Noor ('SP4'): seorang Pakar Perunding Forensik di Hospital Sultanah Bahiyah yang telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati;

(e) Sgt Nor Azman bin Abu Bakar ('SP5'): seorang pegawai polis dari bahagian Forensik, Cawangan Siasatan Jenayah, IPK Kedah yang menjalankan siasatan di tempat kejadian;

(f) Ang Kok Hua ('SP6'): bapa mangsa;

(g) En Muhamad Nurislan bin Shuib ('SP7'): seorang saksi yang menyaksi kejadian;

(h) En Abdul Rahman bin Ibrahim ('SP8'): seorang Pembantu Pegawai Perubatan Forensik di Hospital Sultanah Bahiyah, yang merupakan

pembantu kepada SP4 dalam menjalankan bedah siasat. SP8 telah melabel dan menyerah sampel-sampel dan tisu yang diambil oleh SP4 kepada pegawai penyiasat (SP11) untuk dihantar ke Jabatan Kimia;

(i) En Mohd Izzat Fahmi bin Azizi ('SP9'): seorang saksi yang telah mengikut tertuduh ke tempat kejadian;

(j) Puan Asfarina bt Jamal Mohideen ('SP10'): seorang Pegawai Sains di Jabatan Kimia yang menganalisa sampel-sampel dan tisu yang diserahkan kepadanya oleh pegawai penyiasat (SP11). SP11 telah terima sampel dan tisu ini daripada SP8; dan

(k) ASP Bee ak Amba ('SP11'): pegawai penyiasat.

[3] Mengikut keterangan pihak pendakwaan, pada 3 Mac 2015 tertuduh telah menalipon SP9 mengajaknya untuk pergi bersama tertuduh berjumpa dengan seorang kawan tertuduh. SP9 setuju untuk pergi bersama. Mereka berdua telah menaiki motosikal tertuduh ke suatu tempat yang dikenali sebagai Pusat Hiburan Keluarga ('pusat hiburan'). Pusat hiburan tersebut terletak di Taman Anggerik, di Alor Setar. SP9 mengecam gambar eksh P1(1) dan (14) sebagai pusat hiburan tersebut.

[4] Sesampai di situ, tertuduh telah berjalan menuju ke sekumpulan orang yang terdiri daripada empat hingga lima orang lelaki Cina untuk bersembang dengan mereka. SP9 menjelaskan yang dia tidak ikut sama kerana mereka berbual dalam Bahasa Cina dan dia tidak faham Bahasa Cina.

[5] Sejurus kemudian tertuduh bersama-sama kumpulan lelaki ini masuk ke dalam pusat hiburan itu. SP9 turut ikut masuk.

[6] Dalam pusat hiburan itu, SP9 bermain mesin mainan tembak ikan berdekatan dengan mesin mainan tertuduh. Beberapa minit kemudian, tertuduh telah bertengkar dengan kawannya. (SP9 mengecam si mati sebagai kawan tertuduh.) SP9 tidak tahu sebab pertengkaran itu, tetapi dia menyimpul ianya adalah satu pertengkaran daripada suara tinggi yang dia dengar.

[7] Tertuduh dan si mati kemudian telah keluar dari pusat hiburan itu kerana dihalau oleh taukeh pusat hiburan tersebut. Beberapa minit kemudian SP9 ikut keluar. Dari tempat yang dia berdiri, iaitu, di hadapan pusat hiburan, SP9 melihat mereka berdua menuju ke kereta si mati yang diletakkan di situ. SP9 mengandaikan si mati adalah tuan punya kereta kerana dia nampak si mati yang mengeluarkan kunci untuk membuka boot kereta tersebut.

[8] Mengikut SP9:

Simati buka bonet belakang, tunduk dan ambil satu benda. Ah Seng di parking

kereta. Nampak kerana tidak jauh dan di bawah lampu.

Benda yang dikeluarkan oleh si mati dari boot kereta itu merupakan sebilah parang.

[9] Satu pergaduhan (*fight*) telah tercetus di antara si mati dengan tertuduh. Mereka bergelut selama beberapa minit sebelum si mati rebah. Tertuduh datang balik kepada SP9 dan mengajak SP9 balik. Mereka menaiki motosikal tertuduh dan beredar dari tempat kejadian. Tertuduh menurunkan SP9 di rumahnya dan sejak dari hari itu SP9 tidak lagi berjumpa dengan tertuduh. SP9 mengatakan bahawa dia hanya mendapat tahu bahawa si mati telah meninggal dunia pada keesokan hari.

[10] SP7 adalah seorang penuntut di Pusat Latihan Polis di Negeri Sembilan. Pada persekitaran bulan Mac 2015 dia menjual burger di kawasan berdekatan dengan pusat hiburan itu. Dia menjual burger dari satu gerai tolak. Pada 4 Mac 2015, pada jam lebih kurang 1 pagi, ketika dia sedang mengemas gerainya, tiba-tiba dia terdengar jeritan seperti orang sedang bergaduh. Dia menoleh ke belakang dan nampak dua orang lelaki sedang bergaduh di tempat letak kereta. Mengikut keterangan beliau:

> Seorang sedang pegang parang dan sedang melibas seorang lagi. Kemudian saya alih pandangan ke stor balik dan dalam beberapa saat keadaan menjadi sunyi ... Yang berbaju hitam berbilas parang. Tau kerana dia angkat parang tinggi dan menghayun kepada orang itu. Saya kembali pandang bila sunyi dan nampak seorang sudah rebah; dah jatuh. Yang berbaju hitam sudah jatuh. Dia duduk kemudian terus tidur, baring. Tiada sesiapa dekat dengan lelaki yang rebah. Yang seorang lagi pergi ke motosikal dekat dengan premis pusat hiburan ... Dia memanggil kawan dia seorang lelaki Melayu. Lelaki Melayu duduk depan premis hiburan. Lelaki Cina dan lelaki Melayu itu naik moto dan beredar dari situ.

[11] ASP Bee ak Amba (SP11), selaku Pegawai Penyiasat, setelah dimaklumkan tentang Alor Star Rep No 4960/15, telah bergegas ke tempat kejadian. Di situ beliau menemui satu mayat yang dia cam sebagai mayat seorang lelaki Cina bernama Ang Kean Eng. Di tempat kejadian SP11 telah arahkan SP3 untuk mengambil gambar-gambar; dan SP11 telah meminta bantuan dari unit Forensik IPK Kedah yang diketuai oleh SP5. SP5 telah menjumpai beberapa barang di tempat kejadian, termasuk kesan darah yang mana SP5 telah kutip dengan swab, kunci motokar jenis Kancil (eksh P6(18)), sebilah parang sepanjang 0.58m (eksh P6(19)) dan beg galas warna hitam (eksh P15). SP5 telah serahkan barang-barang ini kepada SP11. SP11 telah menghantar swab darah dan parang tersebut ke Jabatan Kimia Malaysia di Pulau Pinang pada 6 Mac 2015 untuk dianalisa DNA (namun demikian, SP11 tidak dapat kemukakan parang dan kunci kereta sebagai eksibit kerana kedua-dua item kini tidak dapat dikesan).

[12] SP11 juga telah mengaturkan supaya mayat si mati dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, untuk dibedah siasat selepas pengecaman mayat dibuat oleh SP6. SP11 juga telah menerima beberapa sampel dan tisu daripada SP8 ekoran bedah siasat ini. Sampel-sampel dan tisu itu juga dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Pulau Pinang untuk dianalisakan. Mengikut SP11, tertuduh telah ditangkap oleh Insp Nor Azman bin Adnan pada 4 Mac 2015 di No 35H Kampong Seberang Perak, Alor Setar. Tertuduh telah dihantar ke hospital untuk rawatan kerana tertuduh turut cedera di pipi atas sebelah kanan dan teliga kanan. Namun demikian, beliau tidak mendapatkan lapuran perubatan bagi tertuduh.

[13] Mengenai senjata yang digunakan oleh tertuduh dalam kes ini, SP11 mengatakan:

> Siasatan yang dibuat dalam kes ini mendapati OKT telah membuang satu pisau yang digunakan dalam kes ini ke dalam Sungai Kedah. Pencarian pisau ini sukar dibuat kerana sungai adalah luas serta dalam DNA pisau tersebut adalah kecil.

[14] Setelah menjalankan bedah siasat SP4 telah menyediakan laporan post mortem (eksh P10) yang menerangkan dengan terperinci kecederaan si mati. SP4 mengesahkan sebab kematian (*the cause of death*) si mati, iaitu:

> stab wounds to the abdominal aorta and inferior vena cava.

SP4 menjelaskan:

> Tikaman yang dihasilkan kecederaan 9 (dalam Lapuran Post Mortem eksh P10) telah mencederakan saluran-saluran darah utama di dalam abdomen dan kecederaan itu telah menyebabkan kematian simati. 'Luka tikaman' berdasarkan ciri-ciri yang dikelihatan yang dilihat pada luka tersebut. Characteristic luka tikaman, luka yang dihasilkan oleh objek tajam yang samada akan menghiris atau menikam tubuh manusia dan (9) adalah disifatkan tikaman. ... Daripada 18 wound, luka-luka pada tubuh simati dihasilkan oleh objek-objek yang tajam; ada hirisan dan tikaman. Luka-luka tersebut boleh dihasilkan oleh objek yang sama. Secara am, objek bersifat pipih with sharp edge and pointed. Secara am, pisau boleh dimasukkan tetapi secara specific dalam kes ini, kecederaan-kecederaan yang dikelihatan adalh lebih konsistent dengan objek mata pisau berbanding parang. 'mata pisau' is knife blade.

[15] Di akhir kes pihak pendakwaan, saya telah menilai keterangan pihak pendakwaan untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh. Dalam kes *Looi Kow Chai* Gopal Sri Ram HMR (beliau ketika itu) dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan telah menjelaskan maksud kes prima facie seperti berikut (di ms 749):

> In our respectful view the correct test to be applied in determining whether a *prima*

facie case has been made out under s 180 of the Criminal Procedure Code (and this would apply to a trial under s 173 of the Code) is that as encapsulated in the judgment of Hashim Yeop Sani FJ (as he then was) in *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ Rep 721) HC p 152 (p 752 g):

To summarise, it would therefore appear that having regard to the prosecution evidence adduced so far, a *prima facie* case has not been established against Nordin Johan and Aziz Abdullah, the second accused and the fourth accused which, failing their rebuttal, would warrant their conviction. In other words if they elect to remain silent now (which I hold they are perfectly entitled to so even though they are being tried under the Emergency Regulations) the question is can they be convicted of the offence of s 302 read with s 34 of the Penal Code? My answer to the question is in the negative.

We are confident in the view we have just expressed because we find nothing in the amended s 180(1) of the Criminal Procedure Code that has taken away the right of an accused person to remain silent at the close of the prosecution case. Further we find nothing in the legislative intention of Parliament as expressed in the language employed by it to show that there should be a dual exercise by a judge under s 180 when an accused elects to remain silent as happened in *Pavone v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 77; [1985] 1 LNS 99. In other words we are unable to discover anything in the language of the recently formulated s 180 that requires a judge sitting alone first to make a minimum evaluation and then when the accused elects to remain silent to make a maximum evaluation in deciding whether to convict or not at the close of the prosecution case.

It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

(*Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 dan *Public Prosecutor v Sidek bin Abdullah* [2006] 3 MLJ 357; [2006] 1 CLJ 314 juga dirujuk).

[16] Setelah mempertimbangkan keterangan yang ada di hadapan saya, saya dapati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan secara prima facie ketiga-tiga elemen kesalahan di bawah s 302 di baca bersama s 300 (bahagian (a) dan (b)). Elemen-elemen tersebut adalah:

(i) Ang Kean Eng telah mati;

(ii) tertuduh yang telah menyebabkan kematian Ang Kean Eng; dan

(iii) tertuduh yang menyebabkan kematian itu dengan niat untuk menyebabkan kematian atau dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang mana tertuduh tahu berkemungkinan akan menyebabkan kematian si mati (*with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused*).

[17] Dapatan saya adalah berlandaskan keterangan berikut. Identiti si mati, Ang Kean Eng, telah dibuktikan melalui pengecaman mayat oleh SP6.

[18] Unsur (ii) telah dibuktikan melalui keterangan SP4, SP7 dan SP9. Dari keterangan mereka adalah jelas bahawa suatu pergaduhan telah tercetus di antara si mati dan tertuduh. Dalam pergaduhan itu, tertuduh telah tikam si mati. SP4 telah megesahkan bahawa kematian si mati akibat tikaman ini.

[19] Setelah menilai keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, dan dengan berpandukan prinsip-prinsip yang diputuskan oleh mahkamah di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85; *Looi Kow Chai v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734 dan *Public Prosecutor v Sidek bin Abdullah* [2006] 3 MLJ 357; [2006] 1 CLJ 314, saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* ke atas tertuduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Saya telah berpuas hati bahawa tertuduh telah menyebabkan kematian si mati dengan niat untuk menyebakan kematian si mati (bahagian (a), s 300) ataupun dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang mana tertuduh tahu berkemungkinan akan menyebabkan kematian si mati (bahagian (b), s 300). Oleh yang demikian, saya telah memerintahkan tertuduh supaya membuat pembelaan ke atas pertuduhan.

[20] Tertuduh memilih untuk membuat pembelaan atas keterangan bersumpah tanpa memanggil saksi.

[21] Mengikut tertuduh dia telah berkenanalan dengan si mati setahun sebelum tarikh kejadian. Pada masa itu tertuduh bekerja dengan seorang 'Ah Long' (peminjam wang) di Sungai Petani. Si mati telah meminjam wang daripada majikannya dan dia ditugaskan untuk mengutip balik bayaran pinjaman dari si mati secara mingguan.

[22] Pada jam 6.30 pagi, 3 Mac 2015, semasa tertuduh berada di pusat hiburan itu, si mati telah datang berjumpa dengan dia. Si mati minta pinjam RM200 bagi membolehkan si mati membaiki keretanya, dan janji akan bayar balik pada 12 tengah hari hari itu juga. Dia telah berikan si mati RM120 kerana itu saja duit yang dia ada. Bila si mati gagal membuat bayaran seperti dijanjikan, dia telah menelefon si mati bertanyakan mengapa bayaran belum

dibuat. Si mati menjelaskan bahawa dia masih tiada duit sebab kawannya telah ingkar membayar balik kepada dia. Si mati berjanji sekali lagi untuk bayar balik selepas duit dipulangkan oleh kawannya.

[23] Pada jam 11 malam hari itu, tertuduh telah talipon si mati sekali lagi. Si mati memberitahu tertuduh yang dia berada di pusat hiburan itu. Dia meminta agar si mati tunggu dia di situ. Kemudian tertuduh telah menjemput SP9 untuk menemannya ke pusat hiburan itu untuk berjumpa dengan si mati.

[24] Sesampai di sana, tertuduh telah menghampiri si mati yang ketika itu sedang bersama dengan kawan-kawannya. Si mati enggan pedulikan tertuduh dan kemudiannya telah masuk ke dalam pusat hiburan itu. Tertuduh mengaku bahawa dia telah mengikut si mati ke tempat di mana si mati bermain mesin mainan sambil meneruskan dengan tuntutannya:

> Dia suruh saya tunggu sebentar lagi. Saya pun tanya: kamu hendak saya tunggu sampai bila? Kerana pagi ini kamu kata nak bayar saya 12 tengah hari. Dia kata kawan belum bayar balik lagi. Masa itu saya tidak happy dan marah dengan kuat. Saya marah dia. Kalau tidak ada duit jangan tipu saya — orang ramai pun tengok. ... Mangsa suruh saya keluar kedai. Saya pun ikut. Pada masa itu si mati jalan ke kereta dia yang parking sana. Saya sangka dia hendak bayar duit. Jadi saya ikut dia.

Tertuduh juga mengatakan bahawa penjaga premis pusat hiburan itu tegur mereka dan minta mereka agar jangan bergaduh di dalam premis tersebut.

[25] Keterangan tertuduh mengenai apa yang berlaku selepas ini sehingga dia beredar dari tempat kejadian adalah sama dengan keterangan SP9. Keterangan tambahan adalah:

> (Tetakan) dia 'caught me by surprise'; dengan serta merta, tak sangka simati akan tetak. Dia menetak saya di kanan muka, di cheek. ... Pada masa itu saya ingin melarikan diri tetapi saya terjatuh dengan tidak sengaja. ... Walaupun saya terjatuh, Ang tidak puas dan terus tetak saya. Saya pertahankan diri dengan kedua-dua tangan dan kedua-dua tangan pun cedera. Dia terus serang saya dengan parang. Pada masa itu saya ambil satu benda dari kereta itu. Saya pun tidak tahu benda itu. Saya rasa itu sebatang besi. Saya pertahankan diri dengan besi, menolak dia sehingga dia tidak serang saya. Saya pun berhenti.

Tertuduh mengaku bahawa dia telah membuang besi itu ke dalam sungai dalam perjalanan balik selepas menurunkan SP9.

[26] Mengikut tertuduh, dia telah mengubati kecederaannya di rumah tetapi dibawa ke hospital oleh polis untuk rawatan selepas ditangkap. Rawatannya di unit *surgery* selama tiga hari.

[27] Jelaslah pembelaan tertuduh berlandaskan 'private defence', iaitu, perbuatannya yang menyebabkan kematian si mati adalah untuk membela dirinya dari dibunuh atau dicedera parahkan oleh si mati. Pembelaannya adalah di bawah s 96 dibaca bersama dengan *limb* pertama s 97.

[28] Seksyen 96 memperuntukkan:

> 96 Nothing done in private defence is an offence.
>
> Nothing is an offence which is done in the exercise of the right of private defence.

[29] Seksyen 97 pula memperuntukkan:

> 97 Right of private defence of the body and of property.
>
> Every person has a right, subject to the restrictions contained in section 99, to defend —
>
> First — His own body, and the body of any other person, against any offence affecting the human body;
>
> Secondly — The property, whether movable or immovable, of himself or of any other person, against any act which is an offence falling under the definition of theft, robbery, mischief, or criminal trespass, or which is an attempt to commit theft, robbery, mischief, or criminal trespass.

[30] Had-had ke atas hak mempertahankan diri diperuntukkan di bawah s 99 yang berbunyi:

> 99 Acts against which there is no right of private defence.
>
> First — There is no right of private defence against an act which does not reasonably cause the apprehension of death or of grievous hurt, if done, or attempted to be done, by a public servant acting in good faith under colour of his office, though that act may not be strictly justifiable by law.
>
> Second — There is no right of private defence against an act which does not reasonably cause the apprehension of death or of grievous hurt, if done, or attempted to be done, by the direction of a public servant acting in good faith under colour of his office, though that direction may not be strictly justifiable by law.
>
> Third — There is no right of private defence in cases in which there is time to have recourse to the protection of the public authorities.
>
> Fourth — The right of private defence in no case extends to the inflicting of more harm than necessary to inflict for the purpose of defence.

[31] Seksyen 100 memperuntukkan:

> 100 When the right of private defence of the body extends to causing death.
>
> The right of private defence of the body extends, under the restrictions mentioned

in the last preceding section, to the voluntary causing of death or of any other harm to the assailant, if the offence which occassions the exercise of the right be any of the descriptions hereinafter enumerated.

First — Such an assault as may reasonably cause the apprehension that death will otherwise be the consequence of such assault;

Secondly — Such an assault as may reasonably cause the apprehension that grievous hurt will otherwise be the consequence of such assault;

Thirdly ...

(Terdapat lagi empat hal-keadaan selain dua ini yang mana saya rasa tidak perlu disentuh bagi maksud kes di hadapan saya ini.)

[32] Balia Yusof Wahi HMR (beliau ketika itu) dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan *Francis Hiu v Public Prosecutor & Anor Appeal* [2014] 9 CLJ 764 (di ms 775) telah meringkaskan ciri-ciri pembelaan 'self-defence' seperti berikut:

[25] The right of private defence commences as soon as there is a reasonable apprehension of danger to the body of a person and that right continues for as long as the danger exits. (see *Public Prosecutor v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24; [1981] CLJ 93; [1981] CLJ Rep 251, *Ya Daud v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 322; [1996] 2 CLJ 540, *Public Prosecutor v Dato' Balwant Singh (No 2)* [2003] 3 MLJ 395; [2003] 7 CLJ 285).

[26] Section 99 of the Penal Code provides a limitation to the right of private defence. If an accused person has time to have recourse to seek the protection of a public authority or inflicts more harm than necessary for the purpose of defending his person, he can not avail himself of the protection provided by the defence.

[28] The Indian Supreme Court in *Darshan Singh v State of Punjab* AIR 2010 SC 1212, in considering the law on private defence under the Indian Penal Code had enumerated the following principles at pp 1223 and 1224 as follows:

(i) Self-preservation is the basic human instinct and is duly recognized by the criminal jurisprudence of all civilized countries. All free, democratic and civilized countries recognise the right of private defence within certain reasonable limits.

(ii) The right of private defence is available only to one who is suddenly confronted with the necessity of averting an impending danger and not of self-creation.

(iii) A mere reasonable apprehension is enough to put the right of self defence into operation. In other words, it is not necessary that there should be an actual commission of the offence in order to give rise to the right of private defence. It is enough if the accused apprehended that such an offence is contemplated and it is likely to be committed if the right of private defence is not exercised.

(iv) The right of private defence commences as soon as a reasonable apprehension arises and it is coterminous with the duration of such apprehension.

(v) Is is unrealistic to expect a person under assault to modulate his defence step by step with any arithmetical exactitude.

(vi) In private defence the force used by the accused ought not to be wholly disproportionate or much greater than necessary for protection of the person or property.

(vii) It is well settled that even if the accused does not plead self defence, it is open to consider such a plea if the same arises from the material on record.

(viii) The accused need not prove the existence of the right of private defence beyond reasonable doubt.

(ix) The Indian Penal Code confers the right of private defence only when that unlawful or wrongful act is an offence.

(x) A person who is in imminent and reasonable danger of losing his life or limb may in exercise of self defence inflict any harm even extending to death on his assailant either when the assault is attempted or directly threatened.

[29] In our view, there was a reasonable cause of apprehension of danger to the appellants' body which justify the appellants to act in the manner they did. The law does not expect the appellants to be attacked first before they could retaliate. (See: *Beckford v R* [1987] 3 All ER 425, *Govindan v State of Kerala* [1960] 47 AIR 258). And as Augustine Paul J (as he then was) remarked *PP v Dato' Balwant Singh (No 2)* in an accused person need not wait till he is actually attacked or inflicted with injury in order to react and he is not obliged to run away, for the law does not require a citizen to behave like a coward, citing *Mohd Khan v State of Madhya Pradesh* [1972] Cri LJ 661.

[30] *Russel on Crime* (11th Ed Vol 1 p 491) speaks of the scope and foundation of private defence thus:

> ... a man is justified in resisting by force anyone who manifestly intends and endeavours by violence or surprise to commit a known felony against either his person, habitation or property. In these cases he is not obliged to retreat, and may not merely resist the attack where he stands but may indeed pursue his adversary until the danger is ended, and if in a conflict between them he happens to kill his attacker, such killing is justifiable.

[33] Tertuduh memikul beban pembuktian atas imbangan kebarangkalian bahawa hal-keadaan kes menjustifikasikan pembelaan 'private defence'. Isu ini telah diputuskan dalam kes *Patrick Chau Fook Henn v Public Prosecutor* [2014] 3 MLJ 825; [2014] 8 CLJ 14 di mana Abdul Aziz Rahim HMR dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan telah memutuskan di ms 832 (MLJ); ms 23 (CLJ):

The principles are these: the burden of establishing a plea of self-defence is on the accused (ie the appellant in this case); but the burden is lighter in that the accused need only to discharge the burden on a balance of probabilities. The question that needs to be asked at the end of the day is whether the accused was acting in reasonably necessary self-defence? A defence of self-defence may arise in variety of cases; but everything will depend on the particular facts and circumstances. It was said in *Palmer v The Queen* [1971] 2 WLR 831 that the conception of self-defence is both good law and good sense that a man who is attacked may defend himself. It is not the law that an accused must wait until he receives a grievous injury before he retaliates in self-defence. However the action of retaliation must not be wholly out of proportion to the necessities of the situation. The accused may justify an immediate defensive action if he is in immediate peril or if he is in imminent danger he may avert the danger by some instant action.

[34] Dalam mempertimbangkan sama ada tertuduh berjaya membuktikan pembelaan 'self defence' saya telah mengambil kira fakta-fakta berikut. Pertama, saya dapati bahawa si mati adalah penyerang (*aggressor*) dan bukan tertuduh. Kenyataan tertuduh bahawa si mati yang mulakan serangan fisikal dengan parang disokong oleh keterangan pihak pendakwa. SP9 juga telah mengesahkan bahawa parang itu kepunyaan si mati:

Ah Seng dan simati jalan kaki ke kereta simati parking di situ. Saya tau kereta simati kerana simati keluarkan kunci. ... Simati buka bonet belakang, tunduk dan ambil satu benda. Ah Seng di parking kereta. ... Saya nampak simati keluarkan dan pegang parang daripada bonet kereta. Sambil mengeluarkan parang, dia keluarkan suara tinggi dan terus tetak Ah Seng.

[35] Kemudian SP7 pula telah memberi keterangan bahawa:

Seorang tengah pegang baras dan sedang melibas seorang lagi. ... Kemudian saya alih pandangan ke stor balik dan beberapa saat keadaan menjadi sunyi. ... Yang berbaju hitam melibas parang. Tahu kerana dia angkat parang tinggi dan menghayun kepada orang itu.

(SP7 telah mengecam si mati sebagai orang yang berbaju hitam).

[36] Mengikut tertuduh, semasa kejadian, dia tidak membawa apa-apa senjata ke tempat kejadian. Mengikutnya, senjata yang digunakannya di tempat kejadian diambilnya dari kereta si mati. Pihak pendakwaan tidak mengemukakan apa-apa keterangan untuk mencabar kenyataan tertuduh. Saya juga mengambil kira fakta bahawa tertuduh telah menjemput SP9 untuk menemanya dalam perjumpaannya dengan si mati. Sekiranya tertuduh berniat untuk membunuh si mati, sudah tentu dia akan merahsiakan niatnya dan tidak akan mengajak SP9 untuk memenaninya.

Saya berpendapat faktor ini bersama ketiadaan senjata menyangkal wujudnya

unsur niat. Di sebaliknya, faktor-faktor ini lebih meyokong kenyataan tertuduh bahawa niat dia berjumpa dengan si mati hanya untuk mendapat balik wangnya.

[37] Tertuduh sendiri juga telah mengalami kecederaan yang agar serious seperti mana yang dicerminkan dalam eksh P3 a–i. SP11 juga mengesahkan bahawa akibat kecederaan ini tertuduh telah dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah keran memerlukan rawatan. Tetapi SP11 telah gagal mendapatkan lapuran perubatan rasmi bagi menentukan kecederaan tertuduh.

[38] Parang yang digunakan dan ditemui di tempat kejadian tidak dapat dikemukakan di mahkamah kerana telah hilang semasa dalam jagaan pihak polis. Namun demikian saksi-saksi pendakwaan telah mengecam parang tersebut dalam eksh P6(11). Saksi-saksi pendakwaan juga telah mengesahkan bahawa parang ini telah digunakan oleh si mati. Adalah jelas yang parang sepanjang 0.58 meter ini boleh mendatangkan kematian atau kecederaan parah. Senjata ini serta cara si mati menggunanya (seperti mana yang digambarkan oleh SP7 dan SP9) menunjukkan bahawa ia adalah munasabah untuk tertuduh percaya bahawa terdapatnya ancaman yang dia akan dibunuh atau dicederakan secara parah oleh si mati sekiranya dia tidak mengambil tindakan untuk membela diri. Dalam ertikata yang lain: *there was reasonable apprehension of death or of grievous hurt*.

[39] Oleh yang demikian dapatan saya adalah situasi pada malam itu bukan sahaja menjustifasikan tetapi mengkehendakkan tertuduh membela dirinya.

[40] Persoalan yang perlu saya pertimbangkan seterusnya adalah sama ada kekerasan yang digunakan oleh tertuduh melampaui situasi? Mengikut SP4, walaupun si mati telah mengalami sebanyak 18 kecederaan hanya satu kecederaan yang fatal dan mendatangkan maut. Ini adalah luka tikaman 1.2cm. Luka tikaman ini telah mencederakan saluran-saluran darah utama di dalam abdomen dan menyebabkan kematian si mati. Mengiukt SP4 juga, kecederaan lain yang kebanyakannya terdiri dari 'lacerations and abrasions' adalah konsisten dengan 'a scruffle and altercation'. Saya mendapati tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa kecederaan-kecederaan yang tertuduh kenakan ke atas si mati adalah kecederaan-kecederaan yang berlebihan, melebihi apa yang dibenarkan oleh undang-undang; lebih-lebih lagi apabila saya mengambil kira bahawa si mati tidak hentikan hayunan parangnya terhadap si mati.

[41] Dalam aspek ini saya merujuk kepada kes Mahkamah Tinggi Kerala dalam *Chacko Matahai v State of Kerala* AIR 1964 Ker 222 di ms 225 berkata:

> The right of self defence is a high prized gifty granted to the citizens to protect

themselves by effective self resistance against unlawful aggression. No man is expected to fly away when he is attacked. He could fight back and when he apprehends death or grievous hurt he could see that his adversary is vanquished without modulating his defence step by step.

Faced with a dangerous adversary, no man can possibly act with a detched reflection and under such circumstances if he travels a little beyond the limit, the law protects him and hence the courts should not place more restrictions in him than the law demands.

[42] Saya juga dapati bahawa kelakuan tertuduh konsisten dengan keperluan undang-undang seperti yang dinyatakan dalam *Public Prosecutor v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24; [1981] CLJ 93. Penghakiman Ajaib Singh H (pada masa itu) yang berikut telah dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Chung Tain Kong @ Chung Fook Chong v PP* [2010] 2 MLJ 732; [2010] 2 CLJ 397:

The Penal Code provides that nothing is an offence which is done in the exercise of the right of private defence of a person's body. But there is no right where the person has time to seek the protection of the public authorities. Nor will this right of public defence extend to the inflicting of more harm than is necessary for the purpose of defence. Subject to these limitations the right of private defence of the body extends even to the voluntary causing of death or any other harm to the assailant if the person exercises his right of private defence is under reasonable apprehension that death or grievous hurt would be caused to him by the assailant. The right of private defence commences as soon as there is reasonable apprehension of danger to the body. This right continues so long as such apprehension of danger continues (see ss 96–102 under Penal Code). *And it goes without saying that right of private defence ceases and is not available when there is no more apprehension of danger to the body.* (Penekanan ditambah.)

[43] Keterangan pihak pendakwa juga telah menunjukkan bahawa tertuduh telah menghentikan semua tindakannya dan terus beredar sebaik sahaja ancaman kepada dirinya berhenti iaitu semasa si mati jatuh. SP9 telah memberi keterangan bahawa:

Mereka bergelut dalam beberapa minit saja. Simati rebah dengan lutut sebelah dan kemudian dia rebah terus. *Apabila simati jatuh Ah Seng terus jalan dan ajak saya balik. … Dia ke arah moto. Ajak saya dan saya naik moto dan bawa saya balik dan letak saya di pintu pagar.* (Penekanan ditambah.)

[44] Puan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah mencadangkan kepada tertuduh dua perkara iaitu: (i) tertuduh telah tikam si mati bertubi-tubi tanpa berhenti dari kereta ke tempat jatuh; dan (ii) tertuduh berupaya mengambil tindakan lain seperti mendapatkan bantuan dari orang ramai ataupun melarikan diri. Cadangan Puan Timbalan Pendakwa Raya telah dinafikan oleh tertuduh.

A **[45]** Saya dapati cadangan Puan Timbalan Pendakwa Raya tidak berlandaskan keterangan. Tiada mana-mana saksi pendakwa termasuk SP7 dan SP9 pernah mengatakan bahawa mereka nampak tertuduh menikam si mati bertubi-tubi tanpa berhenti dari kereta ke tempat jatuh.

B **[46]** Saya juga dapati cadangan Puan Timbalan Pendakwa Raya bahawa tertuduh berupaya mengambil tindakan lain seperti mendapatkan bantuan dari orang ramai bertentangan dengan keterangan pihak pendakwa yang berikut. SP9 sendiri telah mengatakan:

C Apabila Ah Seng kena tetak dulu, mereka bergomoi/bergelut. *Mereka dua orang saja. Tiada orang lain.* Mereka bergelut dalam beberapa minit saja.

Dan SP7 semasa memberi gambaran tempat kejadian telah mengatakan bahawa:

D Barisan kedai itu ada assessori kereta. Sebelah itu kedai jual kasut. Ada premis hiburan keluarga di sebelah kedak jual kasut. *Masa kejadian kedai-kedai sudah tutup. Tiada orang-orang di kawasan situ.*

E Mengikut saksi ini, jeritan bergaduh telah menarik perhatian dan dia telah menghentikan pengemasan gerainya buat seketika. Selepas menoleh ke belakang dia nampak:

Saya kembali pandang bila sunyi dan nampak seorang sudah rebah; dan jatuh. Yang berbaju hitam sudah jatuh. Dia duduk kemudian terus tidur/baring. ... *Masa* **F** *kejadian kereta banyak parking di situ tetapi orang tak banyak. ... Masa saya nampak tiada orang lain selain dua orang lelaki ini.* (Penekanan ditambah.)

[47] Jawapan kepada isu sama ada tertuduh harus melarikan diri boleh didapati dalam *Musa bin Yusof v Public Prosecutor* [1953] 1 MLJ 70; [1953] 1 **G** LNS di mana Mathew HB memutuskan:

The law in this country gives greater latitude to a person who is attacked than does the law in England. In England, if self-defence is to be successful, the attacked must attempt to disengage himself from the attack, and his killing the assailant is only **H** excusable if there was no other way of saving his life. The law which is applicable in this country is fully set out in *Alingan Kunhinayan & Anor v The Emperor ILR* 28 Mad 454. The learned sessions judge in that case made the following observation:

I It is urged on behalf of the first accused that he was justified in the exercise of his right of private defence of his person in stabbing deceased when he attacked him with a knife. First accused had undoubtedly a right to defend himself but I think it is clear that he exceeded the right of private defence which he possessed. First accused was certainly not justified in wresting the knife from deceased and inflicting a dangerous wound in the chest. There is no reason, I think, to suppose that first accused could not have escaped further injury by resorting to less violence or by running away. It was not necessary for first accused's own

preservation that he should have inflicted such grievous bodily harm.

The Court of Appeal commented on this passage as follows:

> On the facts of the case we cannot agree with the view of the law taken by the learned judge. We do not think it can be said that the first accused exceeded the right of private defence. *The learned Judge suggests that the first accused could have escaped further injury by resorting to less violence or running away. But, this is placing a greater restriction on the right of private defence of the body than the law requires.*

The principle applicable to a case like this is that laid down by Mayne:

> But a man who is assaulted is not bound to modulate his defence step by step, according to the attack, before there is reason to believe the attack is over. He is entitled to secure his victory, as long as the contest is continued. He is not obliged to retreat, but may pursue his adversary till he finds himself out of danger; and if, in a conflict between them, he happens to kill, such killing is justifiable. And, of course, when the assault has once assumed a dangerous form every allowance should be made for one, who, with the instinct of self-preservation strong upon him, pursues his defence a little further than to a perfectly cool bystander would seem absolutely necessary. The question in such cases will be, not whether there was an actually continuing danger, but whether there was a reasonable apprehension of such danger.
>
> The all important facts in connection with the question whether the first accused exceeded the rights of private defence of his body when he gave the stab with his knife which proved fatal to the deceased, are that the deceased was the first to use the knife and had inflicted a wound on the first accused which might well have proved fatal.
>
> On the facts we are of opinion that the first accused did not exceed the right of private defence. (Penekanan ditambah.)

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.

Reported by Mohd Kamarul Anwar